

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 16 MEI 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 8

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1141-L2341
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapakah yang bertanggungjawab untuk mengajar Al-Quran, hukum agama dan lain-lain berkaitan dengan Islam setelah orang asli diislamkan di Pos Orang Asli kerana tiada tenaga pengajar tetap, kecuali Ustaz dari JAKIM yang tidak menjalankan tugas dengan sempurna memandangkan kehadiran ustaz JAKIM ini kadang-kadang tidak diketahui oleh penduduk setempat.
2. PN-1141-L2814
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kesan terhadap hubungan Malaysia-Singapura sejak Kerajaan mengumumkan Projek Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI).
3. PN-1141-L2735
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pemegang kad kredit yang telah di senarai hitamkan oleh pihak bank akibat kegagalan membayar tunggakan dan data tersebut perlu diklasifikasikan berdasarkan umur.
4. PN-1141-L2064
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan projek perumahan yang masih terbengkalai dan bilangan pembeli yang terlibat.
5. PN-1141-L2089
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang mengkaji semula jumlah kemasukan filem-filem asing sebanyak 340 filem berbanding dengan filem tempatan, hanya 28 filem setahun (pada tahun 2006).

6. PN-1141-L2898
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan dalam kerancakan melaksanakan RMK-9, banyak bahan-bahan binaan juga turut melambung naik seperti simen, besi, kayu, bitumen dan lain-lain bahan terus meningkat naik serta diambil peluang oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab sehingga menjual barang-barang kawalan melebihi daripada harga yang diiktiraf oleh Kerajaan setakat ini. Berapa banyak tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian di atas salah laku oleh pengedar-pengedar ini.
7. PN-1141-L2022
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dasar Kerajaan di dalam industri penerbangan Malaysia yang mana Air Asia Berhad (pengendali tambang murah) telah diberikan hak untuk mengendalikan penerbangan antarabangsa dan apakah ini akan menjadikan MAS kekal sebagai sebuah GLC yang tidak menguntungkan.
8. PN-1141-L2201
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan keputusan memasukkan kawasan Kuala Lumpur sebagai sebahagian Koridor raya Multimedia MSC, yang dilihat boleh menjejaskan tumpuan menjana pertumbuhan MSC di Cyberjaya kerana para pelabur industri ICT akan cenderung memilih Kuala Lumpur dan mengetepikan Cyberjaya.
9. PN-1141-L2394
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan :-
 - (a) jumlah indeks jenayah seluruh negara pada tahun 2005, 2006 dan empat bulan pertama pada tahun 2007; dan
 - (b) jumlah indeks jenayah mengikut daerah di Kuala Lumpur pada tahun 2005, 2006 dan empat bulan pertama pada tahun 2007.
10. PN-1141-L2579
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebarang cadangan untuk menaikkan ganjaran pencen kepada pesara-pesara perkhidmatan awam yang sedang berkhidmat.
11. PN-1141-L2458
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan dengan lebih lanjut bagaimanakah pencapaian sistem penyampaian terhadap pindah milik dan syarat tanah setakat ini dan banyak rungutan yang dinyatakan kerana kelewatan proses tersebut di kalangan pemohon. Apakah tindakan Kementerian untuk mempercepatkan urusan tersebut.

12. PN-1141-L2485
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang dilaporkan hilang, berapa pula dijumpai kemudian yang masih hidup, berapa orang pula telah mati, bagi setiap tahun untuk 5 tahun yang lepas, dengan statistik negeri, bangsa, jantina, umur dan apakah punca-punca utama kehilangan tersebut.
13. PN-1141-L2712
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak ke atas pengeluar dan pengeksport serta kedudukan daya saing dan ekonomi negara secara menyeluruh semenjak kawalan mata wang diliberalisasikan.
14. PN-1141-L2858
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dalam rangka menyediakan Malaysia sebagai hub-logistik terutamanya dalam konteks pembukaan landasan kereta api berkembar apakah perancangan yang dibuat oleh pihak Kerajaan dalam usaha merebut peluang keemasan ini agar tidak didominasi oleh negara-negara serantau dengan kadar yang segera.
15. PN-1141-L2539
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah tindakan yang diambil terhadap penjual-penjual ubat jalanan yang tidak mendapat kelulusan dari Kementerian; dan
 - (b) berapa ramai penjual-penjual yang telah diambil tindakan sepanjang tahun lepas.
16. PN-1141-L2162
Tuan Lee Chee Keong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kriteria-kriteria JPA untuk mengambil pemohon-pemohon jawatan Kerajaan yang lulus program-program IPTS yang telah diakreditasi oleh pihak Lembaga Akreditasi Negara.
17. PN-1141-L2876
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan penilaian mengenai buku-buku sejarah negara hari ini di mana dahulu kebanyakannya ditulis dan disebarkan melalui institusi yang didalangi oleh pihak penjajah dengan agenda dan ideologi untuk memesonkan fakta sejarah. Apakah strategi Kementerian agar para kumpulan elit, intelektual dan politik tempatan berminat untuk memperkasakan persepsi dan fakta sejarah mengikut acuan kita.

18. PN-1141-L2611
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah kejayaan Kerajaan dalam usahanya untuk membasmi masalah pengemis yang berkeliaran terutama sekali di kawasan bandar-bandar dan di tempat pelancongan. Ke manakah mereka ini ditempatkan
19. PN-1141-L2259
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kementerian telah atau sedang menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan bagi mengatasi permasalahan yang ditimbulkan oleh kumpulan pelumba motosikal haram (Mat Rempit).
20. PN-1141-L2531
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perolehan yang dilaporkan oleh Kastam Diraja Malaysia hasil dari cukai jualan import barangan dari luar negara bagi tahun 2004, 2005 dan 2006 dan jumlah kakitangan yang bertugas khusus untuk memantau harga barangan bagi mengelakkan peniaga mengisytiharkan nilaiian bawah harga sebenar yang merugikan negara.
21. PN-1141-L2800
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-
- (a) apakah rancangan Kementerian untuk tahun ini dan tahun-tahun berikutnya bagi meningkatkan lagi kemasukan pelancong-pelancong asing dari negara-negara Asia Timur, khususnya Negara China yang telah menunjukkan penambahan kemasukan yang begitu menggalakkan pada awal tahun ini; dan
 - (b) apakah rancangan Kementerian untuk menyelesaikan isu kekurangan penerbangan terus dari bandar-bandar utama di Negara China ke Malaysia.
22. PN-1141-L2138
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan mutu perkhidmatan di hospital-hospital awam di seluruh negara.
23. PN-1141-L2585
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah cadangan membuka laluan keluar dari Lebuhraya Silk ke Taman Bukit Mewah Fasa 7, Kajang dan cadangan membina persimpangan bertingkat ke Taman Kajang Utama dari lebuhraya ke Silk.

24. PN-1141-L2847
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu sistem peperiksaan mengenali jalan-jalan serta budaya dan etika baik di kalangan pemandu-pemandu teksi dan bas awam.
25. PN-1141-L2419
Dato' Yip Kum Fook minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bahawa pemaju akan dikenakan bayaran sebanyak 20% dari harga rumah kerana kelewatan dalam menyerahkan 'common facilities' seperti kolam renang kepada pembeli dan bayaran ini diambil kira dari tarikh Perjanjian Jual-beli ditandatangani sedangkan sepatutnya bayaran tersebut dikira dari tarikh penyerahan 'vacant possession' bangunan kediaman kerana ia adalah 'common facilities'.
26. PN-1141-L2538
Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) bagaimanakah urusan Skim Perbendaharaan Pembiayaan Secara Islam kepada kakitangan Kerajaan yang bercampur kerana wang pembiayaan disalurkan melalui akaun bank yang konvensional; dan
 - (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memindahkan dan seterusnya mengguna pakai khidmat perbankan Islam dalam semua urusan kewangan Kerajaan selaras dengan galakkan Kerajaan untuk menggalakkan sistem kewangan Islam.
27. PN-1141-L2891
Dato' Omar bin Faudzar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar indeks rasuah di negara ini.
28. PN-1141-L2236
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesahihan produk-produk kecantikan terutamanya krim pemutihan dan ubat pelangsing badan dan adakah syarat wajib dikenakan kepada mereka seperti menghantar sampel produk ke Kementerian untuk dianalisis dan diluluskan penggunaannya.
29. PN-1141-L2039
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sumbangan kewangan dan peranan yang dimainkan oleh Malaysia selaku anggota Parliamentary Union of the OIC Member States (PUIC).

30. PN-1141-L2238
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah peranan dan pelan tindakan Kementerian untuk menggalakkan remaja menghayati nilai-nilai murni budaya dan adat resam bangsa Malaysia agar mereka berani dan bangga menampilkan jati diri sebagai orang Malaysia.
31. PN-1141-L2703
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengapakah harga makanan segera di restoran-restoran yang bertempat di Genting Highlands dan KLIA lebih mahal dari tempat lain sedangkan jenis makanan adalah sama. Adakah Kementerian membenarkan pengusaha-pengusaha restoran tersebut mengambil untung berlebihan (excessive profiteering) kerana kedua-dua tempat itu tidak menghadapi masalah pengangkutan atau perhubungan yang boleh meningkatkan kos.
32. PN-1141-L2816
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menyerahkan kembali penerbangan dalam negeri Sabah dan Sarawak kepada Penerbangan Malaysia dengan tertubuhnya Syarikat Firefly.
33. PN-1141-L2163
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sebab-sebab Kerajaan memasukkan pegawai-pegawai PTD ke dalam Jabatan Pelajaran Negeri di setiap negeri pada hal ramai lagi guru yang lama menunggu untuk peluang kenaikan pangkat belum dapat diisi.
34. PN-1141-L2773
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani kes muflis membabitkan golongan muda akibat tabiat berbelanja menggunakan kad kredit melebihi kemampuan; dan
 - (b) adakah Kementerian mencadangkan mengadakan program pendidikan dan ceramah kesedaran mengenai kaedah mengatasi masalah ini agar kes kebankrapan terutama membabitkan golongan muda yang baru memulakan kerjaya dapat diatasi.
35. PN-1141-L2330
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan selain daripada memperkenalkan Program J-QAF, apakah cara lain yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memperkembangkan dan memajukan jawi di kalangan rakyat.

36. PN-1141-L2757
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak polis untuk menghantar pernyataan beramaran kepada tertuduh atau peguam mereka dengan cepat dan efisien.
37. PN-1141-L2738
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan kenapa caj panggilan yang dikenakan oleh sesetengah syarikat komunikasi tidak setimpal dengan perkhidmatan yang dibekalkan di mana caj yang dikenakan tinggi tetapi sesetengah kawasan tidak mempunyai liputan yang baik. Apakah cara untuk mengatasi masalah ini.
38. PN-1141-L2694
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan, strategi dan peranan pro-aktif yang boleh di mainkan Kementerian untuk mengatasi masalah belia terutamanya masalah mat rempit dan gejala bohsia di kalangan belia.
39. PN-1141-L2769
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian ingin memberikan kuasa kepada Pendaftar Pertubuhan untuk membuat penyiasaan dan keputusan tentang pihak mana yang benar dalam pertikaian sesebuah persatuan supaya pertikaian tidak berpanjangan.
40. PN-1141-L2377
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan setakat manakah laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Polis yang ditubuhkan pada tahun lalu diimplementasikan untuk meningkatkan profesionalisme di dalam PDRM.
41. PN-1141-L2277
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana lesen halal diluluskan kepada pengeluar dan berapa banyak lesen halal telah dikeluarkan setakat ini.
42. PN-1141-L2782
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan masalah gejala sosial di kalangan remaja semakin parah, dana program Rakan Muda yang 'dihidupkan' semula kurang mendapat sambutan hanya segelintir remaja yang berminat. Dengan itu, tidak adakah strategi atau langkah-langkah baru Kementerian untuk mengatasi masalah gejala sosial terutama "Mat Rempit".

43. PN-1141-L2126
Dato' Sri Empiang Jabu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah faktor-faktor atau keadaan tertentu yang akan menggalakkan Kerajaan untuk memanjangkan umur persaraan pekerja sektor awam dari 56 ke 60 tahun.
44. PN-1141-L2396
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah warden asrama yang dilantik wajib tinggal di kawasan sekolah berasrama penuh.
45. PN-1141-L2640
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan statistik rakyat Malaysia mengikut kaum yang menukar agama dalam Kad Pengenalan sejak 5 tahun yang lalu
46. PN-1141-L2510
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kejayaan Institut Integriti Malaysia (IIM) setakat ini sejak ianya ditubuhkan. Apakah sebenarnya peranan IIM dalam memupuk nilai integriti di kalangan rakyat Malaysia.
47. PN-1141-L2650
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian mengawasi iklan institusi-institusi swasta yang menawarkan pelbagai kursus supaya hanya kursus-kursus yang diluluskan oleh pihak LAN diiklankan; dan
 - (b) adakah Kementerian mempunyai mekanisme untuk memberi maklumat tentang kursus-kursus yang ditawarkan pinjaman PTPTN. Adakah Kementerian bercadang untuk memastikan iklan-iklan institusi swasta merangkumi maklumat berkenaan kursus-kursus yang ditawarkan pinjaman PTPTN.
48. PN-1141-L2644
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah bentuk tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian terhadap pengusaha pasar raya seperti MYDIN yang mengiklankan dalam akhbar barangannya dengan harga yang murah sedangkan pengguna telah tertipu apabila membeli dengan harga yang lebih tinggi apabila berkunjung ke pasar raya tersebut.
49. PN-1141-L2049
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah program atau kempen kesedaran berkenaan kemudaratan makanan segera dan makanan ringan akan dilaksanakan.

50. PN-1141-L2550
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah pihak Kerajaan tidak bercadang untuk membuat pindaan kepada Kanun Tanah Negara 1965 bagi melindungi mangsa-mangsa yang tanah mereka telah dipindah milik secara palsu kepada pihak ketiga berdasarkan kepada keputusan penghakiman yang telah dibuat oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes Ardonia Properties Sdn Bhd melawan Boonsom Boonyanit di Mahkamah Persekutuan.
51. PN-1141-L2306
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah kes-kes yang tertakluk di bawah bidang kuasa Ordinan Darurat (EO) dan apakah Kerajaan tidak berhasrat untuk menghapuskan sahaja Ordinan Darurat tersebut bagi mengelakkan sebarang salah guna kuasa dan kontroversi. Apakah prosedur yang digunakan untuk membebaskan tahanan di bawah ordinan ini.
52. PN-1141-L2647
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah faedah skim bantuan perkahwinan percuma JAWI bagi pasangan yang tidak berkemampuan di Wilayah Persekutuan. Kenapakah jumlah bantuan yang diberi agak besar bagi setiap pasangan dan tidakkah JAWI sedar wang yang dibelanjakan adalah wang zakat, maka bantuan haruslah berpatutan.
53. PN-1141-L2029
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perancangan program kesinambungan kepada peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) terutamanya yang menjurus ke arah sumbangan kemasyarakatan dalam komuniti.
54. PN-1141-L2308
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah SPR adalah bebas dan telus dalam mengendalikan pilihan raya di negara ini dan berapakah anggaran perbelanjaan untuk mengadakan pilihan raya kecil di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri serta apakah wajar pilihan raya kecil dihapuskan.
55. PN-1141-L2651
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah pengambilan pelajar bagi sesi 2007 di Universiti Pertahanan Nasional dan jenis kursus-kursus yang ditawarkan.

56. PN-1141-L2484
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan sistem pengauditan yang digunakan oleh Kerajaan sekarang dan senaraikan 10 perkara yang utama tentang kelemahan-kelemahan yang dilaporkan oleh Audit Negara itu telah dibetulkan atau diubah menjadi kekuatan, 10 perkara utama yang dilaporkan selepas 2 tahun, kelemahan itu masih tidak diuruskan atau diatasi.
57. PN-1141-L2105
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan setakat ini berapa ramai guru-guru Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) di bawah kendalian Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) yang dilantik secara kontrak, dan apakah mereka ini berpeluang untuk diserapkan ke jawatan tetap dan berpencen.
58. PN-1141-L2261
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kos dan keberkesanan kempen 'Tak Nak' dan apakah kesinambungan kempen tersebut di dalam usaha Kerajaan mengurangkan jumlah perokok.
59. PN-1141-L2653
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan mengapakah rancangan di RTM semakin lapuk dan apakah perancangan Kementerian dalam menambat hati penonton generasi muda yang tidak harus dipinggirkan dari agenda pembangunan negara dan misi Kerajaan.
60. PN-1141-L2106
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan setakat ini berapa banyak bilangan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang telah siap dibina oleh pemaju tetapi masih belum diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), dan adakah punca kelewatan penyerahan tersebut akan menyebabkan usaha Kerajaan untuk mensifarkan setinggan menjelang 2010 akan terbantut.
61. PN-1141-L2243
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa ramai wanita-wanita berusia dari negara jiran telah dibawa masuk ke negara ini oleh kumpulan sindiket tertentu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti meminta sedekah di kawasan pelancongan di Kuala Lumpur di mana keadaan ini boleh menjejaskan imej negara dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah tersebut.

62. PN-1141-L2459
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengenai tindakan yang diambil oleh Kementerian sendiri bagi memperbaiki jalan-jalan raya khususnya di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur yang berlubang dan berlopak sehingga boleh mengakibatkan kemalangan serta kerosakan pada kereta. Maka, harus satu sistem pemantauan mengenai masalah ini diwujudkan demi tidak menjejaskan imej Malaysia dengan kedatangan pelancong asing sempena Tahun Melawat Malaysia 2007.
63. PN-1141-L2368
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tuntutan Amerika Syarikat dan pendirian Malaysia sendiri berhubung dengan perolehan Kerajaan, pelaburan dan hak harta intelek di dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) baru-baru ini.
64. PN-1141-L2438
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah mahkamah dari pelbagai peringkat sudah menerapkan penggunaan Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya dan apakah langkah dan strategi susulan dalam memperkasakan bahasa kebangsaan itu di kalangan pengamal undang-undang.
65. PN-1141-L2578
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan nisbah guru dengan pelajar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan adakah guru-guru pelatih Bahasa Tamil mencukupi untuk menampung kekurangan guru-guru bahasa ini. Kalau tidak mencukupi, bagaimana pula Kementerian mahu mengatasi masalah yang timbul.
66. PN-1141-L2440
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimana dasar baru seperti Dasar Bio-tech Nasional memberi manfaat kepada usahawan kecil bumiputera.
67. PN-1141-L2297
Puan Siw Chun a/p Eam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan usaha dan program Institut Integriti Malaysia (IIM) dalam membanteras rasuah dan salah guna kuasa di kalangan kakitangan awam setakat ini dan bagaimana dengan program IIM pada peringkat sekolah supaya menerapkan kesedaran mengenai integriti pada usia muda.
68. PN-1141-L2846
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menjaga kebajikan para atlit negara yang telah mengharumkan nama negara apabila mereka bersara kelak.

69. PN-1141-L2799
Tuan Chua Kim Chuan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kakitangan Kerajaan terkini mengikut kategori kaum Melayu, kaum bumiputera lain, kaum Cina, kaum India dan lain-lain kaum, juga senaraikan bilangan pemohon dan permohonan yang layak serta jumlah pengambilan mengikut kategori tersebut bagi setiap tahun dari tahun 2001 hingga 2006.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh YB Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** dan masalah dicadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [15 Mei 2007]

- | | | | |
|-----|----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 25/2006) | Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2006; | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 44/2006) | Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006; | “ |
| 4. | (D.R. 5/2007) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007; | “ |
| 5. | (D.R. 27/2006) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006; | “ |
| 6. | (D.R. 28/2006) | Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas)(Pindaan) 2006; | “ |
| 7. | (D.R. 38/2006) | Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006; | “ |
| 8. | (D.R. 37/2006) | Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006; | “ |
| 9. | (D.R. 36/2006) | Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 2006; | “ |
| 10. | (D.R. 30/2006) | Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (Pindaan) 2006; | “ |
| 11. | (D.R. 33/2006) | Rang Undang-undang Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006; | “ |

12.	(D.R. 52/2006)	Rang undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006;	Bacaan Kali Yang Kedua
13.	(D.R. 2/2007)	Rang undang-undang Syarikat (Pindaan) 2007;	“
14.	(D.R.3/2007)	Rang undang-undang Pelindungan Pengguna (Pindaan) 2007;	“
15.	(D.R. 4/2007)	Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007;	“
16.	(D.R. 6/2007)	Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007;	“
17.	(D.R. 7/2007)	Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007;	“
18.	(D.R. 8/2007)	Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007;	“
19.	(D.R. 11/2007)	Rang Undang-undang Pasaran modal dan Perkhidmatan 2007;	“
20.	(D.R. 12/2007)	Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007;	“
21.	(D.R. 10/2007)	Rang undang-undang Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007;	“
22.	(D.R. 13/2007)	Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (Pindaan) 2007; dan	“
23.	(D.R. 14/2007)	Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (Pindaan) 2007.	

24. PN-1141-U2092

Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin akan mencadangkan:-

"Bahawa, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa berangkat membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas yang telah menghargai Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam menerajui tampuk perundangan negara;

Menyedari, seruan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong supaya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat membuktikan kesetiaan kepada Raja dan Negara dengan menjalankan segala tugas dan kewajipan, di luar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dengan penuh kewibawaan dan integriti;

Maka, Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan supaya lagu "Negaraku" dimainkan dan dinyanyikan beramai-ramai oleh Ahli-ahli Dewan Negara termasuk pegawai-pegawai yang hadir pada setiap kali selepas bacaan doa pada setiap hari Dewan bersidang; dan ketetapan ini juga hendaklah dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

(Perdana Menteri)

25. PN-1141-U2323

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan segera memberikan perhatian dan bantuan yang serius terhadap nasib pekerja-pekerja Malaysia yang terkandas dan tertipu di Singapura. Tindakan tegas mestilah diambil terhadap agensi-agensi pekerjaan khususnya yang beroperasi di Malaysia. Kerajaan juga perlu mengujudkan perjanjian dua hala yang lebih ketat mengenai pengambilan pekerja-pekerja Malaysia ke Singapura."

(Menteri Luar Negeri)

26. PN-1141-U2325

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah segera untuk menyelamatkan 50 Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) bumiputera yang nyawa-nyawa ikan sedangkan 700 buah lagi telah pun gulung tikar. Masalah seperti kesukaran mendapatkan pembiayaan pelajar, kekurangan pelajar, saingan daripada Institusi Latihan Awam (ILA) dan dasar yang tidak jelas sejak 2003 masih menghantui masa depan ILKS bumiputera ini."

(Menteri Sumber Manusia)

27. PN-1141-U2327

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan bertindak tegas terhadap stesen penyiaran swasta yang gagal memenuhi garis panduan penyiaran yang menetapkan sekurang-kurangnya 60% program adalah dalam Bahasa Kebangsaan. Ia adalah isu lama yang berlarutan yang berkait rapat dengan isu komitmen, penguatkuasaan dan pertindihan tanggungjawab."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

28. PN-1141-U2329

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengharamkan sebarang program realiti yang pemenangnya ditentukan semata-mata oleh undian SMS. Ternyata program seumpama ini hanya bertujuan untuk mengeksploitasi orang ramai yang berbelanja secara membazir. Ia bukan sahaja gagal melahirkan pemenang yang berkualiti tetapi mengujudkan budaya yang salah dalam melahirkan idola yang sepatutnya dicontohi oleh generasi muda."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.26	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	16 Mei 2007
ST.27	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia (USM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	16 Mei 2007
ST.39	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	16 Mei 2007
ST.40	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	16 Mei 2007
ST.41	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	16 Mei 2007
ST.44	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	16 Mei 2007
ST.61	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	16 Mei 2007
ST.88	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	16 Mei 2007
ST.91	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	16 Mei 2007
ST.96	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	16 Mei 2007
ST.98	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pulau Pinang (PERDA) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	16 Mei 2007